



SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,  
TINGKAT 19,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel. : 03-5514 2134 (Terus)  
: 03-5544 7042/7043/  
7045/7520  
Faks : 03-5510 3062

Rujukan tuan :  
Rujukan kami :IPK.Sel.Pent.  
100-1/7/1 ( 21 )  
Tarikh : 13 Mei 2014

Semua Ketua Jabatan/Agenzi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YAD/YBhg Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

### **SURAT PEKELILING SUK BIL.1 TAHUN 2014**

#### **PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2014 : PERATURAN PENGANJURAN MAJLIS-MAJLIS KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan Pekeling Am Bilangan 2 Tahun 2014 : Peraturan Penganjuran Majlis-Majlis Kerajaan.

2. YAD/YBhg Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta **mengambil perhatian** serta mematuhi Pekeling Am Bilangan 2 Tahun 2014 yang telah diluluskan dan disahkan oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk tindakan selanjutnya.

Sekian. Terima kasih.

**"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"  
"TERBAIK DARIPADA KAMI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)  
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.



## KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

---

### PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2014

---

#### PERATURAN PENGANJURAN MAJLIS-MAJLIS KERAJAAN

#### 1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Selangor mengenai Peraturan Penganjuran Majlis-Majlis Kerajaan yang selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2014 oleh Jabatan Perdana Menteri untuk diambil tindakan.

#### 2. LATAR BELAKANG

2.1. Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menerima Pekeliling Am tersebut yang dikuatkuasakan pemakaianya melalui Surat Pekeliling Jabatan Perdana Menteri bertarikh 10 Mac 2014 kepada Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan.

- 2.2. Pekeliling ini adalah susulan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014, Dasar Perbelanjaan Berhemah bagi mengurangkan perbelanjaan awam yang sedang berkuatkuasa. Langkah kawalan dan penjimatan perbelanjaan diperluaskan meliputi penganjuran majlis-majlis Kerajaan diperingkat kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan.
- 2.3. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 30 April 2014 telah mengesahkan keputusan yang meluluskan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2014 untuk diguna pakai di peringkat jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

### **3. PELAKSANAAN**

- 3.1. Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2014 telah menetapkan supaya setiap kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan melaksanakan penjimatan dalam penganjuran majlis-majlis Kerajaan yang meliputi perkara-perkara berikut :
  - 3.1.1. Menghentikan amalan menyediakan baju korporat. Semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan boleh menggunakan baju korporat termasuk batik korporat masing-masing untuk majlis-majlis yang dianjurkan.

- 3.1.2. Memastikan tidak berlaku pembaziran dalam penganjuran majlis-majlis Kerajaan khususnya dalam penyediaan hiasan, tempat duduk VIP yang hanya perlu sederhana dan tidak keterlaluan atau terlalu bermewah. Perkara ini wajar dimasukkan dalam *Standard Operating Procedure* (SOP) baru dalam penganjuran majlis Kerajaan.
- 3.1.3. Tiada pemberian cenderamata kepada para pemimpin yang hadir di majlis-majlis Kerajaan mahupun anjuran pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan. Walau bagaimanapun, pemberian yang sesuai misalnya buah-buahan tempatan yang berpatutan atau sebuah buku boleh dibenarkan.
- 3.1.4. Amalan menyiaran ucapan tahniah dan penghargaan kepada para pemimpin melalui iklan dalam akhbar juga hendaklah dihentikan kerana ia melibatkan perbelanjaan yang tinggi.

#### **4. PENGUATKUASAAN**

- 4.1. Pekeliling Am ini berkuatkuasa mulai tarikh Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dikeluarkan.

## **5. PEMAKAIAN**

5.1 Semua Jabatan Kerajaan Negeri/Persekutuan, Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri, Agensi Kerajaan Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mematuhi arahan dan prosedur sepertimana tertakluk dalam Pekeliling ini.

**'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'**

**'TERBAIK DARIPADA KAMI'**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

**(DATO' HJ. MOHAMMED KHUSRIN BIN HJ. MUNAWI)**

D.S.I.S., A.S.A., P.PT.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Tarikh : 13 Mei 2014